

Ekonomi Malaysia Tetap Berkembang Ketika Ekonomi Dunia Tidak Menentu - Najib Bernama
22 Aug, 2013

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Malaysia berjaya mencatat peningkatan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 4.3 peratus ketika keadaan ekonomi dunia tidak menentu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Katanya, pelbagai usaha akan terus dipergiat untuk memastikan ekonomi negara berada dalam keadaan stabil dan seimbang untuk mencapai tahap negara berpendapatan tinggi.

"Saya percaya kita mampu melakukannya dengan usaha sama semua pihak," kata Najib dalam makluman terkini menerusi Facebooknya Khamis bagi mengulas angka KDNK terkini negara.

"Walaupun dalam kedudukan ekonomi dunia yang tidak menentu, kita berjaya mencapai perkembangan KDNK sebanyak itu," kata Najib yang juga Menteri Kewangan.

Bank Negara Malaysia Rabu mengumumkan ekonomi negara berkembang 4.3 peratus pada suku kedua tahun ini berbanding 4.1 peratus pada suku pertama, dengan permintaan domestik yang kukuh terus menyokong pertumbuhan di celah-celah permintaan luar yang lemah.

Gabenor Bank Negara Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz berkata walaupun permintaan domestik terus kukuh, prestasi pertumbuhan keseluruhan terjejas oleh permintaan luar yang lemah.

"Permintaan domestik terus kukuh, naik 7.3 peratus, sementara eksport mencatat kemerosotan yang lebih tinggi dengan kelembapan bagi kebanyakan produk eksport," katanya pada sidang media ketika mengumumkan angka KDNK itu pada Rabu.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=971996>